

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

5.2 Perluasan Kuasa Dinasti Brooke Di Sarawak

- Kekayaan Sarawak dengan pelbagai hasil bumi terutamanya sagu, antimoni dan emas menarik minat James Brooke menguasai Sarawak.
- Beliau menggunakan pelbagai strategi yang akhirnya membawa kepada penguasaan dan pengukuhan kedudukannya di Sarawak

Sarawak Ketika Kehadiran James Brooke

- Kawasan Sungai Sarawak merupakan kawasan ekonomi
- Masyarakat Melayu tertumpu di Lidah Tanah yang menjadi pusat perdagangan dan pentadbiran disebabkan tempatnya yang strategik kerana mampu kawal perdagangan sungai dan kawasan pedalaman
- Sultan Brunei menghantar Pengiran Indera Mahkota untuk kuasai ekonomi
- Terdapat beberapa individu yang terbabit dalam percaturan politik dan pemerintahan Sarawak sebelum penguasaan James Brooke :

1) Sultan Brunei (Sultan Omar Ali Saifuddin II)

- Sultan Brunei berhasrat mengawal kegiatan perdagangan di Sarawak
- Baginda menghantar Pengiran Indera Mahkota yang kemudiannya mendirikan pusat pentadbirannya di Kuching
- Baginda ditentang oleh Datu Patinggi Ali kerana mengenakan cukai yang tinggi dan kerahan tenaga

2) Pengiran Raja Muda Hashim

- Dihantar oleh Sultan Brunei ke Sarawak untuk menyelesaikan masalah penentangan di Sarawak
- Berusaha memujuk Datu Patinggi Ali tetapi gagal
- Akhirnya beliau meminta bantuan James Brooke

3) James Brooke

- Seorang pengembara (Kapal Royalist) dan mencari peluang mendapatkan Sarawak
- Disokong oleh British dengan bantuan tentera laut
- Menerima pelawaan Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyelesaikan masalah penentangan di Sarawak dengan syarat serahkan Sarawak kepadanya

4) Datu' Patinggi Ali

- Merupakan pembesar tempatan yang menentang tindakan-tindakan wakil Sultan Brunei yang menjejaskan kehidupan masyarakat Sarawak
- Bersetuju berunding dengan James Brooke dan menamatkan penentangan

James Brooke Mendapat Kuasa Pemerintahan

- James Brooke menggunakan empat strategi dalam usaha mencapai matlamatnya.

James Brooke mendapatkan kuasa pentadbiran melalui empat strategi			
Rundingan	Ugutan	Perjanjian	Ketenteraan
- Dengan Pengiran Raja Muda Hashim - Diminta selesaikan penentangan - Ditawarkan Sarawak sebanyak dua kali - Menerima tawaran	- Mengugut Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyerang Kucing kerana berdolak dalih untuk menyerahkan Sarawak - Tindakan ini menyebabkan Pengiran Raja Muda Hashim bersetuju menyerahkan Sarawak - Mengugut Sultan Brunei; Sultan Omar Ali Saifuddin, apabila beliau hadir diiringi angkatan tentera British - Sultan mengesahkan penyerahan Sarawak	- Perjanjian 1841 - Antara James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim - JB memerintah Sarawak dan menguasai hasil - Menghormati dan memelihara undang2 serta adat istiadat Melayu - Perjanjian 1842 - Dengan Sultan Brunei - Sultan Brunei serahkan kawasan Tanjung Datu ke Sungai Samarahan - Serah semua pendapatan Sarawak - JB bayar ufti 2500 dolar Spanyol - Tidak boleh campurtangan dalam agama dan adat tempatan - Tidak boleh pindah milik tanpa kebenaran Sultan - Sultan Brunei iktiraf JB sebagai Raja Putih Sarawak	- Bantuan tentera laut British dan kapal HMS Dido - Digunakan memerangi ancaman lanun yang mengganggu perdagangan dan ketenteraman Sarawak

Pengukuhan Kuasa James Brooke

Pengukuhan Kuasa James Brooke	
Kekuatan Tentara	- JB memperoleh bantuan dan sokongan daripada tentera laut British - HMS Dido menghancurkan kubu kuat Iban di Sg Saribas dan Sg Skrang
Menentang Kebangkitan Orang Tempatan	- JB menganggap kebangkitan orang tempatan sebagai lanun - Isu ini menjadi alasan tindakan meluaskan kuasa di kawasan orang Iban sebagai tindakan sah dan mendapat sokongan British
Memperolehi Sokongan Sebahagian Masyarakat Tempatan	JB berjaya memperoleh sokongan daripada sebahagian orang tempatan termasuklah sebahagian orang Melayu dan Iban
Mengambil Kesempatan daripada Pertelingkahan yang Wujud dalam Masyarakat Tempatan	- Di Mukah JB menyokong Pengiran Matusin yang berkonflik dengan Pengiran Ersat kerana lebih dihormati oleh penduduk tempatan - JB menyokong Pengiran Matusin hingga membolehkan JB memecahkan kekuatan masyarakat tempatan di Mukah
Menghapuskan Tokoh Tempatan yang Menentang Kedudukannya	- JB berjaya menyingkirkan tokoh tempatan yang menentangnya - Sharif Masahor dituduh terlibat dalam pakatan menyingkir JB dibuang ke Singapura - Datu Patting Abang Abdul Ghafur bin Abang Qahar dibuang ke Melaka
Memperkuatkan Pertahanan Sarawak	- Benteng dan kubu dilengkapi dengan meriam - Kubu di Sg Skarang dibina bagi memerhati pergerakan kaum Iban - Renjer Sarawak ditubuhkan bagi mengawasi keamanan dan pertahanan
Sokongan Kewangan	Memperolehi sokongan kewangan daripada pemodal Eropah terutama Baroness Angela Burdett-Counts

Kronologi Peluasan Kuasa Dinasti Brooke

1. Tahun 1841

- James Brooke (JB) memperoleh Kuching, kemudian kawasan dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan
- Sejak 1840-an JB berjaya menguasai Batang Lupar dan Sungai Saribas

2. Tahun 1853

- JB berjaya menumpaskan penentangan orang Iban di Saribas dan Batang Lupar dengan alasan menghapuskan lanun
- JB perolehi Sadong, Batang Lupar, Saribas dan Kalaka sebagai balasan, separuh hasil pendapatan wilayah ini diserahkan kepada Sultan Abdul Mumin

3. Tahun 1861

- Sultan Abdul Mumin menyerahkan Sungai Rajang kepada JB dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol setahun kerana membantu menghapuskan kebangkitan orang tempatan termasuk Oya, Mukah, Tatau dan Bintulu

4. Tahun 1883

- Orang Kayan yang mendiami kawasan Sungai Baram, menentang Kesultanan Brunei.
- Charles Brooke (CB = Raja Putih Sarawak II) dapat Sungai Baram daripada Sultan Brunai dengan bayaran ufti sebanyak 4200 Dolar Sepanyol

5. Tahun 1885

- Kawasan di Sungai Trusan diperolehi CB dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol diserahkan oleh Temenggung
- Tindakan ini diambil untuk menyelesaikan masalah pembunuhan beberapa orang peniaga Sarawak oleh orang Murut di kawasan tersebut

6. Tahun 1890

- Limbang diperolehi CB apabila penduduk Limbang bersetuju menyertai Sarawak
- Bayaran 6000 Dolar Sepanyol diberi kepada Sultan Brunei

7. Tahun 1905

- 12 Januari 1905, Sarawak memperoleh hak ke atas Lawas yang sebelum ini dimiliki oleh SBUB namun masih mengekalkan sempadan Sarawak